

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yg dihormati,

Penyata Pendedahan Produk (PPP) ini memberikan maklumat penting mengenai Pelan EasyCash BSN.

Pelanggan lain telah membaca PPP ini dan mendapati ia bermanfaat; anda dinasihatkan untuk membacanya.



BANK SIMPANAN NASIONAL

Tarikh: _____

1 Apakah Pelan EasyCash BSN?

Pelan BSN EasyCash ("ECP") ialah program kad kredit yang ditawarkan kepada semua Ahli Kad Kredit Utama BSN ("Ahli Kad") baharu dan sedia ada yang layak. ECP membolehkan Ahli Kad yang layak mengeluarkan sehingga 80% daripada had kemudahan/kredit yang diluluskan dan tersedia, untuk dikreditkan ke dalam akaun semasa atau simpanan peribadi Ahli Kad yang diselenggara sama ada dengan BSN atau dengan bank-bank lain.

2 Ketahui Tanggungjawab Anda

ECP mempunyai pelan-pelan berikut:

Pelan	Tempoh (bulan)	Amaun Tunai Minimum	Kadar Keuntungan / Faedah (Setiap Tahun)	Kadar Keuntungan / Faedah (Sekali Caj)
AA	6	RM500	0.00%	1.99%
AB	12	RM500	0.00%	3.99%
AC	24	RM1,000	3.99%	-
AD	36	RM2,000	3.99%	-
AE	48	RM3,000	4.99%	-
AF	60	RM3,000	5.99%	-
AG	72	RM3,000	5.99%	-

Nota:

- Bagi pelan AA dan AB, Ahli Kad mesti membayar Ansuran Bulanan ECP bersama dengan Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) dalam ansuran bulan pertama. Selepas itu, Ahli Kad hanya perlu membayar Ansuran Bulanan ECP untuk baki tempoh berikutnya.
- Bagi pelan AC, AD, AE, AF dan AG, Ansuran Bulanan ECP dikira berdasarkan jumlah amaun ECP ditambah dengan Kadar Keuntungan/Faedah (Setahun) yang berkenaan dan dibahagikan dengan bilangan bulan dalam tempoh pelan.
- Amaun ansuran bulan pertama mungkin sedikit lebih tinggi daripada bulan-bulan berikutnya disebabkan oleh pelarasan pembundaran.
- Ahli Kad tidak akan mendapat Mata Ganjaran BSN dan/atau Pulangan Tunai (Cash Back) bagi ECP ini.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami Terma & Syarat Pelan EasyCash BSN.



Bayar Ansuran Bulanan ECP tepat pada masanya. Hubungi kami jika anda ingin menjelaskan jumlah baki tertunggak ECP anda lebih awal.



Hubungi kami segera jika anda tidak mampu membayar ansuran bulanan anda.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Bayaran Ansuran Bulanan ("Ansuran Bulanan ECP")**
Ahli Kad mesti membuat Ansuran Bulanan ECP secara PENUH sebelum atau pada tarikh akhir pembayaran setiap bulan. Selain itu, anda juga perlu membuat pembayaran minimum sebanyak 5% daripada baki semasa kad kredit yang tertunggak (seperti yang dinyatakan dalam penyata kad kredit/-i) atau RM50, yang mana lebih tinggi. Jumlah keseluruhan di bawah Program ECP mesti diselesaikan sepenuhnya sebelum tamat tempoh.
- Caj Pembayaran Lewat Atau Caj Ganti Rugi Pembayaran Lewat (Ta'widh)**
1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata kad kredit, sehingga maksimum RM100.

3 Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Jika anda gagal membayar Ansuran Bulanan ECP secara penuh atau sebahagian daripadanya selama tiga (3) bulan berturut-turut, BSN berhak untuk menamatkan ECP yang disediakan kepada anda secara automatik. Seterusnya, kesemua baki tertunggak ECP akan dibilkan ke akaun anda, dan kadar keuntungan/faedah semasa yang berkenaan berserta caj bayaran lewat/Ta'widh akan dikenakan tertakluk kepada Perjanjian Ahli Kad BSN.
- Anda boleh pada bila-bila masa membatalkan penyertaan dalam ECP atau memilih untuk membuat penyelesaian awal dengan mengemukakan notis bertulis kepada Bank atau melalui kaedah lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Selepas pembatalan atau penyelesaian awal tersebut, atau sekiranya anda membatalkan kad kredit anda, anda mesti membayar jumlah keseluruhan baki tertunggak ECP. Bagi pelan AC, AD, AE, AF, dan AG, anda juga mestilah membayar caj keuntungan/faedah yang perlu dibayar untuk satu bulan.

- a) Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit/-i BSN, BSN berhak untuk menamatkan Kad Kredit/-i BSN anda dan keseluruhan baki tertunggak hendaklah dengan serta merta dibayar kepada BSN.
- a) Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami dengan segera tentang sebarang perubahan alamat kediaman atau alamat surat-menyurat dan nombor telefon bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- b) Untuk mendapat maklumat terbaharu serta Terma & Syarat Pelan EasyCash BSN bagi Kad Kredit/-i BSN, sila layari www.bsn.com.my ("Laman Web BSN"). Sekiranya terdapat percanggahan, maka terma dan syarat dalam Laman Web BSN akan diutamakan.

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau ingin membuat pertanyaan tentang Kad Kredit/-i BSN atau Pelan EasyCash BSN, anda boleh:



Hubungi kami di:

Untuk Kad Kredit Klasik / Emas BSN : +603 2613 1900
Untuk Kad Kredit Platinum BSN : +603 2688 0800



Layari laman kami

<http://www.bsn.com.my>



Emel kami di: customercare@bsn.com.my

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu.

Nota: Maklumat yang disediakan di dalam penyata pendedahan produk ini adalah sah dari Julai 2026 sehingga kemas kini seterusnya.